Kementerian Kesihatan Malaysia

DID YOU KNOW?

# PENAJAAN PROGRAM KEPAKARAN
# SARJANA PERGIGIAN

SESI 2025/2026



MALAYSIA MADANI

ASEAN MALAYSIA 2025

Visit Malaysia 2026 Truly Asia

MADANI AFIAT

Agenda Nasional Malaysia Sihat

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PROGRAM SARJANA PERGIGIAN

Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)
Dengan
Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)

## INFO #1

Tempoh pengajian: **48 bulan**

## INFO #2

Pengajian kepakaran dalam **9 bidang**

## INFO #3

- Kerjasama dengan **IPTA/IPTS dalam negara**
- Ditawarkan di luar negara bagi bidang kritikal

# PEGAWAI DALAM PENGAJIAN (2020 - 2024)

| Bil. | Kategori Cuti Belajar | Jumlah Pegawai |
|---|---|---|
| 1. | CBBP Dengan HLP | 275 |
| 2. | CBBP Tanpa HLP | 3 |
| 3. | CBTG Tanpa HLP | 1 |
| | **JUMLAH** | **279** |





# ELAUN & KEMUDAHAN

| KEMUDAHAN | PENERANGAN |
|---|---|
| Yuran Pengajian | Anggaran RM60,000 setahun |
| Elaun Sara Hidup (ESH) | RM900 (Kadar A)/RM800 (Kadar B) sebulan |
| Elaun Buku | RM750 setahun |
| Elaun Alat Perkakas | RM900 setahun |
| Yuran Kursus Intensif | RM1,500 (yuran sahaja) |
| Elaun Tesis | RM1,500.00 (taraf Sarjana)/RM6,000.00 (taraf Ph.D) (sekali sepanjang pengajian)<br>*Dalam tempoh 12 bulan dari tarikh lapor diri tamat pengajian |

**Kadar A** – Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Perai, Johor Bahru, Skudai, Gelang Patah, Kangkar Pulai, Tanjung Kupang, Tanjung Pelepas, Shah Alam, Sepang, Klang, Kajang, Petaling Jaya, Ampang, Sabah dan Sarawak

**Kadar B** – Tempat-tempat lain selain daripada Kadar A

# ANGGARAN KOS PENAJAAN SARJANA PERGIGIAN

CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)

| JENIS ELAUN | TAHUN 1 | TAHUN 2 | TAHUN 3 | TAHUN 4 |
|---|---|---|---|---|
| **Yuran Pengajian** | RM60,000 (setahun) | | | |
| **Elaun Sara Hidup (ESH)** | RM900 (Kadar A) / RM800 (Kadar B) sebulan | | | |
| **Elaun Buku** | RM750 (setahun) | | | |
| **Elaun Alat Perkakas** | RM900 (setahun) | | | |
| **Tuntutan elaun lain-lain** | Tuntutan perpindahan (hanya layak dibayar pada tahun pertama selaras dengan WP1.3/2025) | Yuran Kursus Intensif (yuran sahaja) – RM1,500 | | • Elaun tesis (sekali sahaja) - RM1,500/RM6,000<br>• Tuntutan perpindahan (selepas lapor diri & mendapat penempatan pewartaan selaras dengan WP1.3/2025) |
| **Anggaran setahun** | RM77,450 | RM73,950 | RM72,450 | RM83,450 |
| **ANGGARAN JUMLAH KESELURUHAN PENAJAAN BAGI TEMPOH 4 TAHUN = RM307,300.00** | | | | |

# KEMUDAHAN - CUTI

Cuti rehat pegawai yang berkelayakan sebelum tarikh CBBP akan luput



- Mengikut cuti akademik di IPTA
- 14 hari setiap semester (28 hari setahun)

*Tidak layak guna cuti rehat tahunan yang berkelayakan

- Layak diberi kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus (lebih 12 bulan)
- *Maksimum 7 hari (selepas lapor diri di BPL & penempatan sementara)

*Jika ada baki cuti rehat yang mencukupi sebelum mula pengajian

SEBELUM PENGAJIAN | SEMASA PENGAJIAN | SELEPAS PENGAJIAN

# WP1.3

Kadar & Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Memindahkan Barang-Barang Persendirian **SEBELUM & SELEPAS BERKURSUS**

WP 1.3

BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

KERAJAAN MALAYSIA

**Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Memindahkan Barang-Barang Persendirian Sebelum Dan Selepas Berkursus**

# TUNTUTAN MEMINDAHKAN BARANG

| SYARAT | KELAYAKAN PEGAWAI **SEBELUM** KURSUS | |
|---|---|---|
| | PERENGGAN 5.1.4.3 WP1.3 | PUSAT PEMBAYAR |
| • Jarak terdekat antara tempat tinggal lama ke tempat barang disimpan; ATAU<br>• Tempat tinggal lama ke tempat tinggal semasa berkursus | ✓ Tambang Pengangkutan Barang (TIDAK TERMASUK KENDERAAN)<br>✓ Tambang Perjalanan (pegawai sahaja)<br>✓ Pemberian Pindahan | **PTJ LAMA**<br>(dalam tempoh 3 bulan dari tarikh perpindahan) |

**Nota:** Kelayakan tuntutan perpindahan adalah **tertakluk di bawah <u>WP1.3/2025</u>**

# TUNTUTAN

✓ **Tuntutan sebelum kursus di bawah WP1.3/2025**

✗

✓ **Tuntutan selepas kursus di bawah WP1.3/2025**

Sebelum → Semasa → Selepas

**Nota:** Kelayakan tuntutan perpindahan adalah **tertakluk di bawah <u>WP1.3/2025</u>**



# ELAUN & KEMUDAHAN

| DASAR | PENERANGAN |
| --- | --- |
| Kategori Cuti Belajar | Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) |
| Kontrak Terdahulu<br>(JPA – Ijazah Pertama) | Terhenti sepanjang tempoh pengajian |
| Tempoh kontrak | **7 tahun**<br>• berkuatkuasa selepas tamat tempoh Cuti Belajar.<br>• Perlu melengkapkan terlebih dahulu kontrak JPA – Ijazah Pertama sekiranya ada |
| Ganti rugi | **RM350,000.00** |

# TINDAKAN PENALTI

Jenis-jenis tindakan penalti yang dikenakan kepada pemegang biasiswa dalam perkhidmatan sekiranya melanggar mana-mana syarat perjanjian

| Perkara/ Tindakan | Bayaran Ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan oleh Unit Pungutan Hasil & Penalti BPL | Pelaksanaan Ikatan Berkhidmat 7 Tahun | Tidak Layak Dipertimbangkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan Sepanjang Tempoh Berkhidmat | Tidak Layak Dipertimbangkan Sebarang Kemudahan Cuti Belajar Sepanjang Tempoh Berkhidmat |
|---|---|---|---|---|
| **Masalah Disiplin** | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| **Tarik Diri** | ✓ (Masalah kesihatan – tertakluk kepada JK Ikatan Kontrak) | ✓ | ✓ | ✓ |
| **Gagal Pengajian** | ✓ | ✓ | ✓ | |
| **Tamat Tempoh Pengajian Maksimum** | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

# TANGGUNGJAWAB PEGAWAI - SEMASA PENGAJIAN

| BIL. | PERKARA | DO'S | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus yang sedang diikuti tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa | ✓ | Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993 |
| 2. | Memaklumkan BPL, KKM mengenai perubahan maklumat peribadi (alamat, e-mel, no. tel) | ✓ | |
| 3. | Mengemukakan keputusan peperiksaan, laporan kemajuan kursus bagi setiap semester | ✓ | Dalam tempoh 1 bulan selepas keputusan peperiksaan |
| 4. | Mendapatkan kebenaran ke luar negara daripada Penyelia (akademik) di IPTA masing-masing | ✓ | |
| 5. | Mengemukakan permohonan penangguhan / pelanjutan pengajian kepada BPL, KKM | ✓ | Dikemukakan 3 bulan sebelum tangguh / lanjut |

# PERKARA YANG TIDAK DIBENARKAN- SEMASA PENGAJIAN

| BIL. | PERKARA | DON'T | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Tidak boleh menjalankan tugas rasmi semasa dalam tempoh pengajian<br>Cth: menghadiri mesyuarat, dilantik sebagai panel temu duga/ panel perolehan dll. | ✖ | Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993 |
| 2. | Tidak boleh terlibat dengan apa-apa aktiviti yang boleh menjejaskan pengajian/ menyebabkan pegawai dibuang daripada IPTA | ✖ | • Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993<br>• Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 |
| 3. | Tidak boleh membuat pekerjaan luar/lokum tanpa kebenaran bertulis daripada Penyelia/ Ketua Jabatan | ✖ | MyPPSM Ceraian UP.7.2.2/ Surat Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 31/1/2012 |
| 4. | Tidak dibenarkan menukar bidang/ universiti | ✖ | |

# SELEPAS TAMAT PENGAJIAN

Pegawai hendaklah melapor diri kepada BPL, KKM selepas tamat tempoh Cuti Belajar

Tamat pengajian / tamat tempoh cuti belajar (mana yang terdahulu)

Telah lulus dengan jayanya

Gagal / ditamatkan pengajian

Menarik diri daripada pengajian



# SELEPAS TAMAT PENGAJIAN

KELULUSAN CBBP DENGAN HLP : 48 BULAN

TEMPOH PELANJUTAN : MAX 6 BULAN (TANPA HLP)

TAHUN 1 TAHUN 2 TAHUN 3 TAHUN 4



**PEGAWAI MELAPORKAN DIRI KEPADA BPL, KKM**

- Tamat pengajian dengan jaya;
- Gagal / ditamatkan pengajian;
- Tarik diri / meletak jawatan; atau
- Tamat tempoh pengajian

Pegawai mengisi link Google Form & melapor diri kepada BPL, KKM

- Urusan penempatan - BSM

Kelewatan / kegagalan pegawai untuk hadir melapor diri selepas tamat pengajian, pegawai BOLEH DIANGGAP TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA CUTI ATAU TANPA TERLEBIH DAHULU MENDAPAT KEBENARAN atau tanpa sebab yang munasabah

Peraturan 24, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatertib) 1993 dan melanggar Peraturan 4(2)(g) dan (i), Peraturan yang sama iaitu tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah.

# FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ)

# Frequently Asked Question (FAQ)

Apakah kesan sekiranya pegawai menolak tawaran CBBP Dengan HLP?

Jawapan:

Pegawai yang menolak akan disenarai hitam selama 2 kali sesi penawaran

KAMI TAK RAMAI
Unit LDP1
TAPI KAMI SENTIASA ADA

# Frequently Asked Question (FAQ)

Adakah boleh untuk memohon <u>pertukaran</u> latihan penempatan?

Jawapan:

Penempatan latihan bagi program kursus akan diselaraskan oleh Cawangan Akreditasi dan Globalisasi Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia. Maklumat berkenaan penempatan ini dijangka akan dimaklumkan pada semester pertama (1) program kursus melalui Institut Pengajian Tinggi.

KAMI TAK RAMAI
Unit LDP1
TAPI KAMI SENTIASA ADA

# Frequently Asked Question (FAQ)

Bolehkah saya memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab-sebab tertentu?

Jawapan:

- Tertakluk kepada alasan yang munasabah dan kritikal sahaja (masalah kesihatan, menunaikan ibadah haji, perubahan pada pengajian/ peperiksaan).
- Penangguhan dalam pengajian hanya dibenarkan sebanyak **2 kali sahaja atau maksimum 12 bulan** (mana yang lebih pendek).
- Penangguhan sebelum pengajian bermula tidak dibenarkan. Bagi pegawai kontrak penangguhan perlu dirujuk kepada BSM kerana melibatkan penambahan tempoh kontrak perkhidmatan pegawai.

KAMI TAK RAMAI
Unit LDP1
TAPI KAMI SENTIASA ADA

# Frequently Asked Question (FAQ)

Adakah pegawai layak mengemukakan tuntutan perpindahan kerana ditawarkan mengikuti Sarjana Pergigian? Adakah pegawai juga layak menerima Elaun Penempatan, Elaun Bantuan Keluarga & Elaun Akhir Pengajian?

Jawapan:

Mulai sesi 2025/2026, pegawai yang ditawarkan Sarjana Pergigian diberi elaun setara dengan Sarjana Perubatan. Justeru, pegawai layak mengemukakan tuntutan mengikut kadar & syarat dalam WP1.3/2025 dan tidak layak menerima Elaun Penempatan, Elaun Bantuan Keluarga & Elaun Akhir Pengajian.

KAMI TAK RAMAI
Unit LDP1
TAPI KAMI SENTIASA ADA

# Frequently Asked Question (FAQ)

Sekiranya pegawai ditamatkan pengajian kerana mempunyai masalah kesihatan, adakah pegawai tersebut akan dikenakan tindakan penalti?

Jawapan:

Pegawai masih tertakluk kepada dokumen perjanjian yang telah ditandatangani sebelumnya. Jawatankuasa Ikatan Kontrak (JIK) akan memutuskan tindakan penalti yang dikenakan berdasarkan rayuan yang dikemukakan oleh pegawai.

KAMI TAK RAMAI
Unit LDP1
TAPI KAMI SENTIASA ADA

# Frequently Asked Question (FAQ)

Bolehkah pegawai memohon pelanjutan pengajian?

Jawapan:

Pegawai perlu mengemukakan permohonan pelanjutan pengajian selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tarikh pelanjutan. Tempoh maksimum pelanjutan adalah **6 bulan sahaja.**

Kami tak ramai
Unit LDP1
Tapi kami sentiasa ada

# Frequently Asked Question (FAQ)

Sekiranya pegawai berhasrat untuk menarik diri daripada meneruskan pengajian atas masalah kesihatan, apakah dokumen yang perlu dikemukakan kepada BPL?

J: Pegawai yang ingin menarik diri daripada pengajian perlu mengemukakan surat bertulis / e-mel pemakluman dan Laporan Perubatan Pakar kepada BPL dan Universiti untuk menarik diri daripada program.

BPL akan mengeluarkan Surat Lapor Diri kepada pegawai manakala tindakan penalti adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Ikatan Kontrak KKM.

Kami tak ramai
Unit LDP1
Tapi kami sentiasa ada

# Frequently Asked Question (FAQ)

Bilakah tarikh mula tempoh CBBP Sarjana Pergigian sesi 2025/2026?

J: Tempoh CBBP adalah mengikut kalendar akademik universiti masing-masing seperti berikut:

| BIL | UNIVERSITI | TARIKH CBBP |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Malaya | 29.09.2025 - 28.09.2029 |
| 2. | Universiti Kebangsaan Malaysia | 06.10.2025 - 05.10.2029 |
| 3. | Universiti Sains Malaysia | 06.10.2025 - 05.10.2029 |
| 4. | Universiti Teknologi MARA | 06.10.2025 - 05.10.2029 |

KAMI TAK RAMAI
Unit LDP1
TAPI KAMI SENTIASA ADA

# TERIMA KASIH

KAMI TAK RAMAI

Unit LDP1

TAPI KAMI SENTIASA ADA

## CONTACT US

### E-MEL

penawaran2@moh.gov.my

### ALAMAT

Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 6, Wing 4, Menara Prisma
No.26, Persiaran Perdana
Presint 3, 62675 WP Putrajaya

MALAYSIA MADANI

BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

KAMI TAK RAMAI

Unit LDP1

TAPI KAMI SENTIASA ADA

# CONTACT US

## PROGRAM SARJANA PERGIGIAN

| | | |
|---|---|---|
| En. Mohd Fazli bin Abdul Jalil (KPSU) | mohdfazli@moh.gov.my | 03 - 8885 0618 |
| Pn. Nur Azreena Binti Mahmud (PSUK - Penawaran) | nurazreena@moh.gov.my | 03 - 8885 0660 |
| En. Julian Anak Akau (PSUK - Dalam Program) | julian.anak@moh.gov.my | 03 - 8885 0686 |
| Pn. Nur Fatin binti R Azmee (PT/PO Penawaran) | fatin.razmee@moh.gov.my | 03 - 8885 0600 samb. 6272 |
| Pn. Nur Rasyiqah binti Jaafar (PT/PO Dalam Program) | nrasyiqah@moh.gov.my | 03 - 8885 0600 samb. 6196 |

MALAYSIA MADANI